

KUALA LUMPUR, 23 OKT. (BERNAMA) -- KERAJAAN TIDAK BERCADANG MEMINDA SYARAT-SYARAT MENJADI CALON BAGI PILIHANRAYA UNTUK DEWAN RAKYAT ATAU DEWAN NEGERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMED MEMBERI TAHU DEWAN NEGARA HARI INI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA PADA MASA INI MEMANG ADA PERUNTUKAN DALAM PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN DAN NEGERI YANG MENGHALANG ORANG-ORANG TERTENTU YANG DISABITKAN DENGAN SATU-SATU KESALAHAN DI MAHKAMAH UNTUK MENJADI AHLI PARLIMEN ATAU AHLI DEWAN NEGERI.

TAMBAHNYA, MEREKA ITU IALAH YANG TELAH DIDAPATI BERSALAH DAN DIHUKUM PENJARA TIDAK KURANG DARIPADA SATU TAHUN ATAU DIKENAKAN DENDA TIDAK KURANG DARIPADA \$2,000.

BELIAU MENJAWAB PERTANYAAN HAJJAH TOM SAODAH HAJI OTHMAN YANG INGIN TAHU SAMADA KERAJAAN AKAN MEMINDA SYARAT-SYARAT SESEORANG WARGANEGARA YANG MASUK BERTANDING DALAM PILIHANAARAYA KERANA SEKARANG ADA YANG TERLIBAT DALAM KES JENAYAH BOLEH MASUK BERTANDING.

MENGENAI MEREKA YANG DITAHAN PULA, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MEREKA DIBENARKAN BERTANDING KERANA MASIH BELUM DIJUTUKAN HUKUMAN. -- BERNAMA 1042/AZ

££

B567:

NEGARA-PILIHANRAYA 2 KUALA LUMPUR

KATANYA, SESEORANG ITU AKAN DIANGGAP TIDAK BERSALAH SEHINGGA DIDAPATI BERSALAH DAN HAKIKAT INI TERKANDUNG DALAM HAK-HAK ASASI YANG DIJAMIN DALAM PERLEMBAGAAN NEGARA.

TAMBAHNYA, ADALAH TIDAK BENAR MENYATAKAN ORANG YANG TELAH DIBUANG NEGERI BOLEH MENJADI WAKIL RAKYAT.

+DALAM FASAL (L) PERKARA 9 PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN DENGAN JELAS MEMPERUNTUKKAN MENGENAI LARANGAN BUANGAN-NEGERI DI MANA TIADA SESEORANG WARGANEGARA PUN BOLEH DIBUANG NEGERI ATAU DITAHAN MASUK KE DALAM PERSEKUTUAN, + TEGASNYA.

TAMBAHNYA, INI JELAS BAHAWA SESEORANG WARGANEGARA TIDAK HILANG KELAYAKANNYA DIBAWAH PERKARA 48 PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN DAN AKTA KESALAHAN-KESALAHAN PILIHANRAYA 1954 DAN MEREKA ADALAH LAYAK MENJADI AHLI PARLIMEN ATAU AHLI MANA-MANA DEWAN NEGERI. --